



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

KENYATAAN MEDIA

PENGOPERASIAN TUNDA KERETA DI MAEPS, SERDANG SEMPENA MAHA 2022

SERDANG, 8 Ogos 2022 – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) ingin merujuk kepada laporan media berkenaan kereta pengunjung ditunda dan disaman RM100 tanpa notis di MAHA 2022 pada 7 Ogos 2022.

Operasi tunda kereta dibuat bagi memastikan aliran trafik dan lalulintas berjalan dengan lancar dan efisien serta membantu kelancaran sistem parkir di setiap kawasan parkir dalam MAEPS bagi mengelakkan aliran trafik menjadi sesak bilamana terdapat kenderaan yang menghalang kenderaan lain.

Walau bagaimanapun, MAFI telah mengarahkan pihak pengurusan acara MAHA 2022 untuk menghentikan semua operasi tunda kereta di MAEPS, Serdang sepanjang penganjuran MAHA 2022 berkuat kuasa serta merta.

Mulai hari ini, petugas media juga hanya perlu menunjukkan pas media kepada petugas/pengawal pintu masuk MAEPS untuk ke parkir yang dikhaskan di belakang Dewan A, MAEPS. Manakala, bagi kenderaan awam perlu diletakkan di tempat yang disediakan.

Sebanyak 5,000 lot parkir kereta disediakan di Laman Tiba 1 dan 3,500 lot parkir di Laman Tiba 2 telah disediakan bagi kemudahan pengunjung. Pengunjung turut dinasihatkan untuk meletakkan kenderaan di tempat yang disediakan bagi mengelakkan sebarang kesulitan kepada pengguna jalan raya dan menyebabkan kesesakan.

Pihak MAFI akan sentiasa memastikan kemudahan, keselesaan dan keselamatan para pengunjung dan petugas media diberi perhatian sepanjang penganjuran MAHA 2022.

Sehingga 7 Ogos 2022 (Ahad), jumlah pengunjung MAHA 2022 yang direkodkan adalah seramai 404,000 orang pengunjung.

**Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
8 Ogos 2022**